

MLS 17


PROJEK SUNGAI NADI KEHIDUPAN

# Mencapai kelas IIB

Oleh Mahaizura Abd Malik  
mahaizura@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL) yang dibangunkan di beberapa sungai utama di kawasan Kuala Lumpur, Ampang dan Selangor di Lembah Klang bakal menyaksikan perubahan drastik Sungai Klang daripada kualiti air kelas III-IV (tercemar, tidak sesuai untuk sentuhan) kepada kelas IIB (sesuai untuk sentuhan dan rekreasi).

Berdasarkan laporan makmal ETP Pemandu 2010, kira-kira 52 peratus pencemaran sungai disumbangkan oleh loji rawatan kumbahan dengan bakinya adalah berpunca dari sumber lain termasuk pembuangan sisa daripada restoran, perindustrian, bengkel kenderaan, pasar basah, bangunan perniagaan, setinggan, kediaman dan institusi pendidikan.



ga dan mengekalkan kelestarian sungai.

“Tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai isu pencemaran sungai masih rendah, malah mereka tidak sedar bahawa aktiviti yang dilakukan mempunyai impak negatif kepada sungai.

“Justeru, menerusi pendedahan program dilaksanakan ini, kita berharap kumpulan sasaran yakni orang ramai, masyarakat setempat, sekolah, pemaju serta industri termasuk pengusaha restoran, warung, bengkel dan perindustrian dapat menghayati kebersihan dan bagaimana hendak mengekalkan kelestarian sungai.

“Antara program dijalankan ialah ‘Smart Ranger’, karnival sungai, kelas terbuka, dapur hijau, pelita, motif, Sc-Vip serta renjer sungai untuk mendidik kumpulan sasaran supaya tidak membuang sisa kotor seperti minyak dan gris dalam sinki.

itu adalah antara cabaran 26 agensi pelaksana tugas pembersihan sungai dalam projek RoL yang diketuai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS Datuk Ir Hanapi Mohamad Noor berkata, pihaknya dipertanggungjawab untuk menyiapkan 65 pakej skop kerja pembersihan dalam projek RoL memabatkan kos RM3.4 bilion.

"Setakat ini, projek berjalan lancar seperti yang dirancang apabila kita berjaya melaksanakan kerja pembersihan sebanyak 53 peratus (31 pakej) sehingga Disember lalu dengan memabatkan perbelanjaan kira-kira RM1.4 bilion.

"JPS sendiri mencapai 99 peratus dalam pembinaan 14 pakej di bawah komponen pembersihan sungai merangkumi struktur pembersihan seperti loji rawatan air sungai (RWTP), pemasangan perangkap pencemaran kasar (GPT), 'log boom', 'aerated string contacted oxidation' (ASCO), empangan getah, tumbuhan akuatik, kolam dan 'riffle system,'" katanya.

Beliau berkata, melalui kerja pembersihan itu, ia sudah menunjukkan tanda perubahan positif kepada tahap kualiti air sungai.

"Jika sebelum ini (tahun 2010), indeks tahap kebersihan air sungai kita adalah di bawah 50, tetapi kini selepas struktur pembersihan ini ia berjaya meningkat kepada 69, malah saya percaya apabila siap kelak akan ada lonjakan kepada indeks kualiti air menghampiri sasaran kita iaitu kelas IIB menjelang 2020 nanti.

"Malah, melalui pemasa-



HANAPI MOHAMAD NOOR



ngan GPT, sehingga Disember lalu di lembangan Sungai Ampang dan hulu Sungai Klang jumlah sampah yang memasuki sungai dapat

dikurangkan sebanyak 75 peratus bersamaan 70.5 meter padu purata bulanan berbanding 2010, 268 meter padu sebulan,"katanya.

## Projek pembersihan sungai meliputi tiga kawasan tadbir urus dan lapan sungai sepanjang 110km



Hanapi berkata, selain berperanan sebagai peneraju dalam tugas pembersihan sungai, pihaknya turut bekerjasama dengan

pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit turun padang untuk mendekati masyarakat dalam usaha memberi kesedaran mengenai menja-

minyak dan gris dalam sinki. "Apa yang menariknya juga menerusi program pelita, kita mewujudkan pusat pengumpulan kitar semula minyak masak di Masjid Al-Ridhuan AU 3, Hulu Kelang, Selangor untuk dijadikan produk bio diesel, sabun dan lilin,"katanya.

### Cabaran yang dihadapi JPS dan agensi pelaksana:

- Berhadapan dengan pembangunan fizikal yang sedang giat dilaksanakan di Kuala Lumpur

- Memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa mereka adalah penyumbang kepada pencemaran sungai dan memberi pemahaman bahawa kebersihan sungai adalah tanggungjawab bersama bukan bergantung kepada kerajaan

- Isu penempatan penduduk setinggan yang menyumbang kepada pencemaran dan menjadi halangan pembinaan struktur berkaitan dalam projek RoL

### Langkah mudah yang boleh dilakukan masyarakat untuk mengekalkan kelestarian sungai.

- Buang sampah dalam tong sampah dan berhenti mengotori sungai

- Pastikan saluran longkang hanya untuk air hujan saja, jangan buang air kumbahan dan sisa di sinki dapur dan bilik air ke longkang kerana ia akan disalurkan terus ke sungai tanpa rawatan

- Berhenti buang lemak, minyak dan gris ke saluran longkang, tetapi lapkan dengan tisu sebelum masuk ke tong sampah kerana merawat sisa kumbahan daripada bahan berminyak ini adalah sangat mahal.